



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 6/2022
28 JUN 2022 (28 ZULQA'DAH 1443H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, di atas segala limpah kurnia, inayah dan nikmat-Nya yang diberikan kepada kita semua. Selawat dan salam kepada rasul junjungan, Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat Baginda, para sahabat Baginda serta kaum muslimin dan muslimat. Terima kasih diucapkan kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis yang sentiasa bersama-sama saya dalam memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Untuk itu, saya menyeru semua warga MBPJ agar mempergiat segala daya dan usaha bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan strategi dan program-program yang telah dirancang. Majlis juga menyahut seruan Kerajaan Negeri Selangor untuk memekarkan kerjasama strategik dengan pemegang taruh (*stakeholders*) Majlis bagi memurnikan iltizam dalam melaksanakan program dan projek untuk kesejahteraan rakyat.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk khususnya penduduk Petaling Jaya. Justeru itu, saya berharap agar perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Agenda pembudayaan integriti adalah prinsip wajib diterapkan secara berterusan bagi memastikan tadbir urus Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah berdaya tahan dan dinamik. Gaya pemikiran semasa rakyat kini dilihat tertumpu kepada isu yang lebih spesifik, terkini dan global dalam mempersoalkan integriti tadbir urus Majlis seperti pengendalian aduan, bencana, infrastruktur, aliran lalu lintas dan sebagainya. Pengamalan tadbir urus yang baik akan terganggu sekiranya Majlis tidak mengambil kira aspek-aspek yang berkaitan seperti halangan, kekangan dan gangguan ini.

Peningkatan persepsi negatif terhadap integriti tadbir urus Majlis perlu dihindari secara progresif. Pendekatan responsif perlu diambil Majlis melalui dua pendekatan utama; pertama pendekatan berasaskan nilai menekankan kepercayaan, kejujuran, ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Kedua pendekatan berasaskan pematuhan menekankan kesan pencegahan menerusi undang-undang yang tertakluk dan peraturan. Di samping itu, usaha dalam menjalinkan kerjasama strategik antara pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut perlu dipupuk dan diperkasa dalam memperkukuhkan tadbir urus yang mengamalkan pematuhan prinsip integriti dan menghindar persepsi negatif terhadap Majlis.

Mekanisme dan inisiatif pembudayaan integriti diwujudkan dengan komitmen yang jitu secara berterusan dan proaktif diharap mampu mencapai matlamat pematuhan prinsip integriti dalam mewujudkan persekitaran tadbir urus baik Majlis dalam meningkatkan integriti sektor awam.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Aspek pengurusan aduan adalah penting dalam usaha Majlis menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Sehubungan itu, aduan yang diterima oleh jabatan-jabatan seharusnya dianggap sebagai maklum balas membina bagi memantapkan proses kerja dan presedur secara berterusan.

Sepanjang bulan Mei 2022, Majlis telah menerima sebanyak 1,485 aduan daripada orang awam. Daripada jumlah ini, sebanyak 64.04 peratus (%) atau 951 aduan telah 'Selesai' manakala sebanyak 22.36 peratus (%) atau 332 aduan 'Dalam Tindakan' dan sebanyak 3.23 peratus (%) atau 48 pula dikategorikan sebagai 'Penyelesaian Jangka Panjang (PJP)'. Manakala 'Aduan Tidak Sah/Ditolak' yang melibatkan aduan sama/bertindan, maklumat pengadu tidak lengkap adalah sebanyak 10.37 peratus (%) atau 154.

Daripada 1,485 aduan tersebut, aduan kategori 'Kerosakan Lampu Jalan' adalah yang tertinggi pada bulan Mei iaitu sebanyak 143 kes. Seterusnya diikuti oleh aduan 'Cantas/Tebang Pokok' sebanyak 106 kes, aduan 'Halangan Awam/Siar Kaki/Tempat Letak Kereta' sebanyak 97 kes, aduan 'Kerosakan Longkang Kecil' sebanyak 67 kes dan aduan 'Jalan Rosak/Mendap/Berlubang' sebanyak 57 kes. Jumlah aduan yang diterima oleh 5 kategori ini adalah sebanyak 470 kes atau 31.6 peratus (%) daripada keseluruhan jumlah aduan yang diterima.

Secara amnya, aduan terbahagi kepada 4 Kategori (KAT) iaitu tahap Kritikal (KAT 1), Segera (KAT 2), Biasa (KAT 3) dan Tidak Kritikal (KAT 4). Daripada 1,485 aduan yang diterima pada bulan Mei 2022, kategori Segera (KAT 2) adalah yang tinggi iaitu 44.6 peratus (%) atau 663 aduan. Kategori kedua tertinggi adalah kategori Biasa (KAT 3) sebanyak 27.8 peratus (%) atau 413 aduan. Seterusnya adalah kategori Tidak Kritikal (KAT 4) iaitu 21 peratus (%) atau 312 aduan dan yang terakhir adalah kategori Kritikal (KAT1) iaitu 6.5 peratus (%) atau 97 aduan.

Bagi memudahkan orang ramai menyalurkan aduan, Majlis menyediakan sebanyak 27 saluran bagi memudahkan orang ramai mengemukakan aduan kepada Majlis. Laman sesawang sistem *eAduan* (Website) menjadi pilihan utama orang ramai membuat aduan iaitu sebanyak 23.5 peratus (%) atau 349 daripada jumlah keseluruhan terimaan aduan. Seterusnya diikuti oleh saluran Aplikasi Telefon 17.3 peratus (%) atau 257, *WhatsApp* 15 peratus (%) atau 223, Telefon 13.5 peratus (%) atau 201 dan E-mel 11.7 peratus (%) atau 174. Kesemua 5 saluran ini menerima sebanyak 81.1 peratus (%) atau 1,204 aduan daripada jumlah terimaan aduan bagi bulan Mei 2022.

Sebagai info tambahan, satu Bengkel Kajian Semula Sistem Pengurusan Aduan MBPJ telah diadakan bertujuan untuk mengkaji semula fungsi dan peranan sistem pengurusan aduan Majlis selaras dengan hala tuju Pelan Strategik “Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2025” dan “Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdaya Tahan @ PJSSR 2030”. Selain daripada itu, bengkel tersebut diadakan bertujuan untuk mengenalpasti dan menyelesaikan kelemahan-kelemahan sedia ada agar sistem pengurusan aduan Majlis lebih informatif dengan data-data bernilai, profesional dan seterusnya membantu pengurusan tertinggi Majlis membuat keputusan yang tepat. Pengurusan aduan awam ini

perlu diberikan tumpuan khusus bagi memastikan denyutan hati rakyat sentiasa dirasai dan menjadi asas kepada jabatan-jabatan untuk meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Prestasi kutipan hasil Majlis setakat 31 Mei 2022 adalah sebanyak RM 175,807,147 atau 45.22 peratus (%) berbanding anggaran hasil 2022 berjumlah RM 388,742,120. Jumlah hasil yang dikutip pada tempoh yang sama pada tahun 2021 adalah RM 166,636,632. Ini menunjukkan peningkatan kutipan hasil sebanyak RM 9,170,515 berbanding tahun 2021. Peningkatan kutipan hasil ini memberikan gambaran awal bahawa sektor ekonomi di Petaling Jaya sedang berkembang selepas tempoh pandemik COVID-19.

Usaha-usaha dalam meningkatkan kutipan hasil seperti memudahkan dan menggalakkan pembayaran secara atas talian, membuka kaunter bergerak di luar ibu pejabat, serta kaedah mengurangkan tunggakan hasil dengan melaksanakan operasi bersepadu secara berjadual, sentiasa mengeluarkan notis peringatan mesra bayaran tetap diteruskan dengan kerjasama daripada pelbagai jabatan.

Bagi prestasi perbelanjaan sehingga 31 Mei 2022, sebanyak RM125,330,758 atau 30.51 peratus (%) berbanding anggaran perbelanjaan 2022 sebanyak RM 410,728,750. Prestasi perbelanjaan adalah berdasarkan kepada trend perbelanjaan semasa Majlis.

Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Majlis setakat 31 Mei 2022 masih mencatatkan lebihan kewangan (*surplus*) sebanyak RM 50,476,389 berbanding dengan cadangan Bajet Defisit sebanyak RM 21,986,630 selepas jumlah kutipan hasil sebanyak RM 175,807,147 ditolak dengan jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak RM

106,658,388 dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 18,672,370. Prestasi dan kedudukan kewangan Majlis masih lagi kukuh dan stabil. Berdasarkan usaha-usaha strategik dan berterusan yang sedang dilaksanakan, adalah dijangkakan trend positif ini akan terus kekal sehingga penghujung tahun 2022. Kawalan perbelanjaan yang berhemah diunjurkan untuk terus digunakan bagi memastikan keadaan kedudukan kewangan Majlis sentiasa baik.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Untuk makluman, Majlis telah memproses dan mengemaskini bil Cukai Taksiran bagi penggal 2 tahun 2022 bagi penggal kedua (Julai-Disember 2022) untuk 270,057 pemegang harta yang melibatkan jumlah cukai sepenggal berjumlah RM135.123 juta.

Justeru, pemunya harta boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil melalui pautan salinan bil di laman web Majlis dan membuat bayaran secara atas talian di ePay@MBPJ. Bayaran juga boleh dibuat melalui kaunter-kaunter Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Pemunya harta adalah diingatkan bahawa tarikh akhir pembayaran bil cukai taksiran adalah pada 31 Ogos 2022. Kelewatan pembayaran akan dikenakan caj denda lewat oleh Majlis.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Penubuhan *Quality Assessment In Construction* (QASIC) di Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah bertujuan untuk menambahbaik kualiti aset tak alih Majlis yang meliputi infrastruktur dan bangunan Majlis sama ada bagi pembangunan baru atau sedia ada selaras dengan pelaksanaan '*Safe and Resilient City*' di bawah program *Blueprint 'PJ Pintar, Mampan, dan Berdayatahan 2030* (PJSSR2030).

Dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan ‘*Safe and Resilient City*’ dilaksanakan dengan efisien, penubuhan QASIC bertujuan untuk memantau kualiti kerja kontraktor yang dilantik oleh Majlis sejajar dengan pematuhan perundangan yang digunapakai di Malaysia.

Untuk makluman semua, penubuhan QASIC di Majlis Bandaraya Petaling Jaya ini adalah merupakan yang pertama di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pelancaran logo QASIC juga turut telah diadakan bersempena dengan perhimpunan Hari Kualiti yang lalu, di mana dalam masa yang sama, seramai 58 orang ahli ‘*Quality Assessment Officer*’ (QAO) telah dilantik.

Bagi memperkasa pelaksanaan ini, Majlis akan mengadakan bengkel bagi membangunkan garis panduan QASIC, selain memberi pendedahan dan latihan kepada ahli yang telah dilantik. Majlis amat mengharapkan, dengan penubuhan QASIC ini ianya dapat menambahbaik kualiti kerja kontraktor yang dilantik dan dapat membudayakan kualiti di peringkat MBPJ dan boleh menjadi contoh serta rujukan kepada pihak berkuasa tempatan yang lain di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan dari 12/06/2022-18/06/2022) adalah sejumlah 100 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,874 kes. Keadaan ini meningkat sebanyak 18 peratus (%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 85 kes. Jumlah Lokaliti Wabak adalah 39 lokaliti, tiada lokaliti wabak baru dilaporkan, 21 lokaliti wabak terkawal, 13 lokaliti wabak tak terkawal dan 5 lokaliti wabak *hotspot* dilaporkan. Tiada kes kematian baru yang dilaporkan. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2022, Majlis telah melakukan kawalan dan pencegahan dengan melakukan perkara seperti berikut:

- a) Pemusnahan tempat pembiakan nyamuk di 12,391 premis
- b) Semburan ULV atau *Thermal* di semua lokaliti kes dilaporkan (1874 kes)
- c) Membuat program seperti:
 - Gotong-royong dan SEDAR *walk* – 14 kali
 - Penubuhan pasukan SEDAR – 11 pasukan
 - Membuka pondok panas di lokaliti *hotspot* – 16 kali
 - Membuat pameran dan taklimat pendidikan kesihatan – 15 kali
- d) Membuat tindakan penguatkuasaan seperti berikut:
 - 16 notis telah dikeluarkan
 - 133 kompaun dikeluarkan
 - 2 penutupan di tapak binaan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Sistem Penarafan Bintang (*Star Rating*) adalah sistem penggredan di mana ia bertujuan untuk menggredkan tahap penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Untuk mendapatkan penarafan 5 bintang, pihak PBT perlu mencapai pemarkahan 90-100 peratus (%). Secara asasnya, penggredan akan di dilakukan 2 tahun sekali.

Audit *star rating* di Majlis akan dijalankan pada 26 Julai 2022. Ianya merangkumi 4 kategori utama iaitu Pengurusan, Perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan dan Penyertaan Komuniti. Sebagai persediaan, audit sendiri akan dijalankan sebanyak 2 kali sebelum audit sebenar bagi memastikan segala kriteria yang ditetapkan dipenuhi. Berdasarkan ini, iltizam Majlis Bandaraya Petaling Jaya sudah pasti untuk mendapat

penarafan 5 bintang dan meletakkan sasaran markah tertinggi di antara PBT yang lain.

Sekalung tahniah dan penghargaan terima kasih saya ingin ucapkan kepada Tuan/Puan semua di atas penglibatan Tuan/Puan dalam menjayakan sambutan hari ulang tahun bandar raya Petaling Jaya kali ke-16 ini.

Sejujurnya, saya berasa amat berbangga dan gembira di atas komitmen yang jitu yang ditunjukkan oleh barisan pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Peranan Tuan/Puan selaku Ahli Majlis juga, turut memberi impak yang besar kepada kelancaran setiap program/majlis yang berlangsung. Besar harapan saya, kerjasama yang erat sebegini diteruskan setiap masa bagi kita berganding bahu dan bersama-sama membantu masyarakat Petaling Jaya seiring dengan tema sambutan pada edisi kali ini iaitu **Merangsang Ekonomi Mensejahtera Komuniti Petaling Jaya**.

Sekian, terima kasih.